



Stadium Sultan Abdul Halim, Jalan Suka Menanti,
05250 Alor Setar, Kedah Darul Aman.
No. Tel: 012-5091623
Email: memanakedah@gmail.com

TARIKH: 12 JUN 2026
NO RUJUKAN: PPNK/KEJ 01.26

Kepada sesiapa yang berkenaan,

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

JEMPUTAN KE KEJOHANAN MEMANAH TERBUKA KEDAH SIRI 1, 2026

Dengan hormatnya saya ingin merujuk mengenai perkara di atas.

Sukacitanya dimaklumkan bahawa Persatuan Pemanah Negeri Kedah akan menganjurkan kejohanan tersebut **pada 25 hingga 27 Jun 2026 bertempat di SMK Megat Dewa, Kodiang, Kedah.**

Sehubungan itu, pihak kami ingin menjemput pemanah-pemanah dari pasukan pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan untuk mengambil bahagian dalam kejohanan ini. Maklumat lengkap berkaitan kejohanan tersebut adalah seperti yang dilampirkan.

Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

Yang Benar,

(DATO' HAJI ABDUL HAMID HAJI HASAN)

Presiden

Persatuan Pemanah Negeri Kedah



TARIKH-TARIKH PENTING

Tarikh mula pendaftaran MAREOS	: 12 JUN 2026
Tarikh akhir pendaftaran MAREOS	: 22 JUN 2026
Mesyuarat Pengurus Pasukan	: 25 JUN 2026
Tarikh kejohanan	: 25 HINGGA 27 JUN 2026

TENTATIF PROGRAM (TIDAK RASMI)

Tempat kejohanan : SMK Megat Dewa, Kodiang, Kedah

Jadual :

25 Jun 2026	14:00-15:00	Registration
KHAMIS	14:30-17:00	Practice
	15:30-16:00	Manager's Meeting
26 Jun 2026	08:00-12:30	Qualification Rounds RU15, RU12 & RU10 (1 st & 2 nd set)
JUMAAT	14:00-18:00	Qualification Rounds RM, RW, CM, CW, BM, BW
27 Jun 2026	08:00-12:30	Qualification Rounds RU15, RU12 & RU10 (3 rd & 4 th set)
SABTU	14:30-18:30	Individual Elimination Rounds RM, RW, CM, CW, BM, BW 1/16 to Final

***Jadual adalah tidak rasmi. Jadual berkemungkinan akan bertukar bergantung kepada beberapa faktor seperti kilat, jumlah penyertaan, dan lain-lain lagi.

PENDAFTARAN

Semua pendaftaran peserta (pengurus, jurulatih dan atlet) hendaklah didaftarkan melalui Malaysia Archery Results & Entry Online System (MAREOS). Tiada pendaftaran secara manual yang diterima.

Daftar masuk di MAREOS melalui <https://mareos.masarchery.org/> . Selepas daftar masuk, pilih kejohanan yang ingin didaftarkan.

Hubungi pihak NAAM (events@masarchery.org) jika ada sebarang pertanyaan ataupun memerlukan bantuan mengenai MAREOS. Untuk pertanyaan selain daripada MAREOS sila hubungi pihak penganjur.

KATEGORI

Kategori bagi kejohanan ini adalah seperti berikut:

1	Recurve Men	16 tahun dan ke atas	RM
2	Recurve Women	16 tahun dan ke atas	RW
3	Compound Men	13 tahun dan ke atas	CM
4	Compound Women	13 tahun dan ke atas	CW

5	Barebow Men	13 tahun dan ke atas	BM
6	Barebow Women	13 tahun dan ke atas	BW
7	Recurve Under 15 Men	13 tahun hingga 15 Tahun	RU15M
8	Recurve Under 15 Women	13 tahun hingga 15 Tahun	RU15W
9	Recurve Under 12 Boy	11 tahun hingga 12 Tahun	RU12B
10	Recurve Under 12 Girl	11 tahun hingga 12 Tahun	RU12G
11	Recurve Under 10 Boy	10 Tahun dan ke bawah	RU10B
12	Recurve Under 10 Girl	10 Tahun dan ke bawah	RU10G

PENYERTAAN

Penyertaan bagi kejohanan ini adalah terbuka.

Pendaftaran lewat (selepas Tarikh tutup) atau pertukaran (selepas tarikh tutup) akan didenda mengikut kadar yang telah ditetapkan dan penganjur mempunyai hak untuk tidak menerima.

YURAN

Peserta : RM60/orang
 Pengurus/ Jurulatih : RM30.00/orang

PERATURAN

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang World Archery, Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia dan Kejohanan Memanah Terbuka Kedah.

Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka undang-undang World Archery yang terkini akan dipatuhi.

Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada Peraturan Kejohanan Memanah Terbuka Kedah.

Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang World Archery, Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia dan Kejohanan Memanah Terbuka Kedah.

Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankausa Teknikal dan Pertandingan Kejohanan adalah muktamad.

Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja).

Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak atau didapati tidak wajar.

Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengurus Pertandingan dalam masa 15 minit selepas keputusan diumumkan.

Jarak yang akan dipertandingan adalah:

RM & RW	: 70m Rounds & Individu 1/16 rounds
CM & CW	: 50m Rounds & Individu 1/16 rounds
BM & BW	: 50m Rounds & Individu 1/16 rounds
RU15M & RU15W	: 1440 rounds (50m x 2 + 30m x 2)
RU12B & RU12G	: 1440 rounds (30m x 2 + 20m x 2)
RU10B & RU10G	: 1440 rounds (15m x 2 + 10m x 2)

Target Face yang akan diguna pakai adalah:

RM & RW	: Outdoor 122cm Face (1 – X)
CM & CW	: Outdoor 80cm Face 6 rings (5 – X)
BM & BW	: Outdoor 122cm Face (1 – X)
RU15M & RU15W	: Outdoor 80cm Face 6 rings (5 – X)
RU12B & RU12G	: Outdoor 80cm Face 6 rings (5 – X)
RU10B & RU10G	: Outdoor 80cm Face 6 rings (5 – X)

HADIAH

Pingat akan disediakan seperti berikut:

RM, RW, CM, CW, BM, BW	: Elimination Rounds tempat 1 hingga 3
RU15, RU12, RU10	: Overall Qualification Rounds tempat 1 hingga 8

PENGINAPAN & MAKANAN

Pihak penganjur tidak menyediakan penginapan dan makanan. Segala urusan adalah di bawah tanggungjawab pasukan masing-masing.

GANTI RUGI

Persatuan Pemanah Negeri Kedah dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuklah perjalanan dari rumah/ tempat pertandingan/ rumah.

HUBUNGI PENGANJUR

Jawatankuasa Penganjur

Nama : TN HJ Tengku Azlan Tuan Mat

No. Tel : +60 13-531 1200